

Headline	MUKA DUA Tiada kenaikan tarif elektrik: Maximus		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	1,2	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	497 cm ²
Journalist	Mohd Izham Unnip Abdullah	AdValue	RM 17,132
Frequency	Daily	PR Value	RM 51,396



TARIF ELEKTRIK TAK NAIK 1 JULAI

Pengguna kekal nikmati kadar tarif, rebat elektrik sedia ada sehingga Disember

Ms.2

→ MUKA DUA Tiada kenaikan tarif elektrik: Maximus

→ Pengguna di Semenanjung, Sabah, Labuan kekal nikmati tarif, rebat bagi tempoh Julai hingga Disember

**Oleh Mohd Izham Unnip
Abdullah**
thaddius@bh.com.my

✦ Kota Kinabalu

Pengguna tenaga di Semenanjung, Sabah dan Labuan kekal menikmati kadar tarif dan rebat elektrik sedia ada bagi tempoh Julai hingga Disember depan.

Ini berikutan keputusan kerajaan untuk tidak membuat semakan tarif atau rebat elektrik di ketiga-tiga kawasan sepanjang tempoh berkenaan seperti dipersejajui Kabinet pada 21 Jun lalu.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili, berkata berikutan keputusan itu, kerajaan akan membelanjakan RM1.7 bilion bagi menampung peningkatan kos bahan

api dan penjanaan elektrik kepada pengguna bermula hari ini hingga 31 Disember depan.

Daripada jumlah itu, katanya sebanyak RM1.3 bilion dibelanjakan di Semenanjung menggunakan Dana Hasil Rundingan Semula Perjanjian Pembelian Tenaga dengan Penjana Tenaga Bebas Generasi Pertama (Dana Penjimatan PPA).

Pengguna tidak menanggung kenaikan

Beliau berkata, walaupun berlaku peningkatan kos bahan api dan penjanaan elektrik sebanyak 2.4 peratus di Semenanjung yang memerlukan surcaj sebanyak 1.02 sen per kilowatt jam (kWj) dikenakan

terhadap pengguna, kerajaan memutuskan supaya pengguna tidak menanggung kenaikan itu.

“Bagi di Sabah dan Labuan, kerajaan bersetuju membelanjakan subsidi khas RM468 juta untuk menampung kos bahan api dan penjanaan tenaga kepada pengguna di kedua-dua kawasan,” katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Beliau berkata, sejajar dengan keputusan itu, kadar purata tarif elektrik asas di Semenanjung kekal pada kadar 38.53 sen per kWj, manakala 34.52 sen per kWj bagi Sabah dan Labuan.

Headline	MUKA DUA Tiada kenaikan tarif elektrik: Maximus		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	1,2	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	497 cm ²
Journalist	Mohd Izham Unnip Abdullah	AdValue	RM 17,132
Frequency	Daily	PR Value	RM 51,396

Kerajaan setuju beri rebat

Katanya, kerajaan juga bersetuju memberi rebat keseluruhan kos pembekalan elektrik 2.54 sen per kWj di Semenanjung dan 1.2 sen per kWj di Sabah serta Labuan bagi tempoh Julai hingga Disember 2017.

Semakan tarif dan rebat yang dibuat kementerian setiap enam bulan sekali itu hanya membatik syarikat utiliti Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan anak syarikatnya iaitu Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB).

Secara keseluruhan, Maximus berkata pelarasan tarif elektrik di bawah dasar kos bahan api dan penjanaan tidak seimbang (ICPT) membolehkan pengguna di Semenanjung menikmati rebat RM5.403 bilion untuk tempoh Mac 2015 hingga Disember depan.

Katanya, bagi pengguna di Sabah dan Labuan jumlah rebat diberikan kerajaan bagi tempoh sama ialah RM196.26 juta.



Walaupun berlaku peningkatan kos bahan api dan penjanaan elektrik 2.4 peratus di Semenanjung yang memerlukan surcaj 1.02 sen per kilowatt jam (kWj) dikenakan terhadap pengguna, kerajaan memutuskan supaya pengguna tidak menanggung kenaikan itu”

Dr Maximus Ongkili,
Menteri Tenaga, Teknologi
Hijau dan Air

**Fakta
nombor**
RM1.303

BILION

perbelanjaan menampung kos bahan api dan penjanaan tenaga di Semenanjung

38.53 SEN

per kWj kadar tarif elektrik di Semenanjung dan 34.52 sen per kWj di Sabah serta Labuan kekal bermula Julai hingga Disember 2017

Headline	MUKA DUA Tiada kenaikan tarif elektrik: Maximus		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	1,2	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	497 cm ²
Journalist	Mohd Izham Unnip Abdullah	AdValue	RM 17,132
Frequency	Daily	PR Value	RM 51,396



Maximus pada sidang media di Kota Kinabalu, semalam.